

KEMPEN *SPEND BONANZA*

TERMA DAN SYARAT

Kempen *Spend Bonanza* ini dianjurkan bersama oleh Bank Rakyat dan Mastercard. Pemegang kad hendaklah membaca dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju untuk terikat dan menerima semua Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

A) SYARAT KELAYAKAN PENYERTAAN

- 1) Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (Utama dan Tambahan) termasuk warga kerja Bank Rakyat kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.
- 2) Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, pemegang kad bersetuju:-
 - a) Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat, Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Mastercard dari semasa ke semasa.
 - b) Pemegang kad telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

B) TEMPOH KEMPEN

- 1) Tempoh kempen ini bermula dari **1 Julai 2026 sehingga 30 September 2026**.
- 2) Sebarang transaksi atau pembelian produk/perkhidmatan patuh Syariah yang dilakukan selepas tempoh kempen tidak akan dikira untuk tujuan kelayakan hadiah atau sebagai penyertaan.
- 3) Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

C) MEKANISME DAN HADIAH KEMPEN

- 1) Penyertaan kempen adalah secara automatik apabila pemegang kad membuat transaksi menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat.
- 2) Jika pemegang kad mempunyai lebih dari satu (1) Kad Kredit-i, semua transaksi akan digabungkan bagi tujuan pengiraan penyertaan.
- 3) Pemegang kad yang memenuhi syarat kelayakan kempen berpeluang untuk memenangi hadiah yang ditawarkan seperti berikut.

Kategori	Aktiviti/ Transaksi	Hadiah		
Cabutan Bertuah dan Bulanan	- Melakukan transaksi pembelian runcit domestik yang patuh Syariah dengan minimum RM100.00 dalam satu resit untuk melayakkan 1 penyertaan ATAU - Melakukan transaksi pembelian produk/perkhidmatan patuh Syariah secara atas talian atau transaksi luar negara dengan minimum RM100.00 dalam satu resit untuk melayakkan 10 penyertaan.	Hadiah	Nilai Hadiah	Pemenang
		Hadiah Utama	Percutian 8H7M ke Jepun bernilai RM40,000	1
		Hadiah Bulanan	Percutian 5H4M ke Singapura bernilai RM20,000	3 (seorang pemenang untuk setiap bulan - Julai, Ogos, September)
		Pemilihan pemenang adalah secara pengundian yang akan dilakukan pada pengakhiran kempen		
1,350 pemegang kad terawal	Melakukan transaksi card-on-file (COF) atau bayaran berulang secara automatik (recurring payment) untuk tiga bulan berturut-turut dengan perbelanjaan minimum RM100 dalam satu resit.	Hadiah e-baucar Shopee bernilai RM100 setiap seorang		

Nota: *card-on-file* merujuk kepada maklumat kad pembayaran (seperti kad kredit) yang disimpan secara digital dalam sistem perkhidmatan atau aplikasi untuk memudahkan pembayaran atau pembayaran berulang pada masa hadapan.

- 4) Contoh transaksi *Card-on-File* dan pembayaran berulang secara automatik (recurring payment) adalah seperti berikut:

Card-on-File	Recurring Payment
- Grab - Shopee - Lazada - TNG eWallet - Zalora	- TNB - Astro - Maxis , Celcom, Umobile - Spotify - Coway, Cuckoo

Nota: Sebarang bentuk pembelian adalah tertakluk pada barangan patuh Syariah sahaja.

D) PEMILIHAN PEMENANG

- 1) Pemilihan pemenang bagi cabutan bertuah akan ditentukan secara rawak melalui sistem pengundian berkomputer yang dipantau dan dimuktamadkan oleh satu jawatankuasa khas yang dilantik oleh Bank Rakyat.
- 2) Pemenang akan dihubungi oleh Bank Rakyat berdasarkan maklumat yang terdapat dalam rekod Bank melalui panggilan telefon, SMS, emel atau kaedah lain yang bersesuaian.
- 3) Bank Rakyat boleh memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan sekiranya pemenang akhir yang telah dipilih tidak dapat dihubungi, enggan menerima hadiah dan lain-lain alasan munasabah yang membolehkan Bank Rakyat untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu atau simpanan.
- 4) Sekiranya pemenang hadiah yang dipilih menerusi kempen ini meninggal dunia, Bank Rakyat boleh menarik balik kelayakan penyertaan dan melucutkan hadiah yang ditawarkan. Bank Rakyat mempunyai hak untuk menggantikan dengan memilih pemenang yang layak daripada senarai menunggu atau simpanan (mengikut mana yang berkenaan).
- 5) Pemilihan pemenang adalah muktamad dan semua bentuk rayuan tidak akan dilayan.

E) HADIAH UTAMA DAN BULANAN

- 1) Hadiah percutian adalah dalam bentuk baucar perjalanan yang boleh ditebus untuk dua (2) orang. Setiap Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan layak membawa seorang (1) tetamu untuk menemani percutian mereka.
- 2) Baucar perjalanan akan dikeluarkan oleh ejen atau *vendor* pilihan *Mastercard* dan baucar ini boleh digunakan bagi tujuan pembelian tiket penerbangan, penginapan hotel atau pakej perjalanan sehingga nilai hadiah yang ditetapkan. Sebarang kos yang melebihi nilai baucar hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. Bank Rakyat akan memaklumkan kepada pemenang mengenai sebarang caj tambahan yang berkaitan sebelum pengesahan tempahan dibuat. Tiada bayaran balik, kredit atau penggantian (dalam bentuk wang atau barang) akan diberikan bagi tempahan yang nilainya kurang daripada jumlah hadiah yang ditetapkan.
- 3) Hadiah merangkumi tiket penerbangan pergi dan balik yang berlepas dari Malaysia ke destinasi akhir (Jepun atau Singapura).
- 4) Hadiah tidak boleh ditukar, ditebus dengan wang tunai, dijual, dipindahkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan hendaklah mengesahkan bahawa kedua-dua pemenang dan tetamu yang dinamakan dapat membuat tempahan serta melengkapkan perjalanan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pemenang gagal berbuat demikian, Hadiah Utama atau Hadiah Bulanan tersebut boleh dilucutkan, dan Bank Rakyat berhak untuk memilih Pemenang Hadiah Kempen yang layak seterusnya.

- 5) Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan tidak dibenarkan memilih atau menukar negara destinasi. Sebarang penentuan destinasi oleh Bank Rakyat adalah muktamad dan Bank Rakyat tidak akan melayan sebarang permintaan untuk pemilihan atau pertukaran destinasi.
- 6) Sekiranya berlaku sekatan perjalanan seperti penutupan sempadan dan/atau had penerbangan yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia dan/atau kerajaan negara destinasi dalam tempoh penebusan hadiah, Bank Rakyat berhak menggantikan Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan dengan nilai yang setara. Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan akan dimaklumkan mengenai penggantian tersebut melalui nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan Bank Rakyat atau kaedah lain yang bersesuaian.
- 7) Pemenang hendaklah menebus hadiah dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh makluman. Semua perjalanan mesti disempurnakan sebelum atau pada 31 Disember 2027. Kegagalan menebus hadiah dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan hadiah tersebut dilucutkan, dan Bank Rakyat berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti. Penebusan hadiah adalah terhad kepada satu (1) kali sahaja.
- 8) Pemenang dikehendaki membuat semua tempahan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh perjalanan. Tempahan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan pemenang hendaklah mematuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh vendor perjalanan yang dilantik oleh Bank Rakyat.
- 9) Hadiah tidak merangkumi caj tambahan semasa musim puncak atau sebarang perbelanjaan peribadi seperti takaful perlindungan diri, perbelanjaan makanan melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 10) Pemenang dan tetamu bertanggungjawab untuk mendapatkan semua dokumen perjalanan yang diperlukan, termasuk visa dan dokumen kemasukan atau keluar negara. Segala permohonan hendaklah diuruskan sendiri oleh pemenang.

F) HADIAH E-BAUCAR SHOPEE

- 1) E-baucar akan dihantar kepada pemenang hadiah melalui alamat e-mel atau nombor telefon bimbit yang berdaftar dengan Bank Rakyat.
- 2) E-baucar sah untuk ditebus oleh pengguna Shopee yang baharu dan sedia ada.
- 3) Setiap e-baucar sah untuk sekali penggunaan sahaja, tanpa mengira bilangan akaun Shopee yang dimiliki oleh pengguna.
- 4) Sekiranya nilai pembelian melebihi jumlah e-baucar, pemenang hendaklah membayar baki perbezaan menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat. Jika nilai pembelian kurang daripada jumlah e-baucar, baki yang tidak digunakan akan dilucutkan dan tidak akan dikembalikan.
- 5) E-baucar hanya boleh digunakan untuk satu transaksi sahaja.

- 6) E-baucar sah sehingga tarikh luput yang dinyatakan. Tiada lanjutan akan diberikan dalam apa jua keadaan.
- 7) E-baucar hanya sah untuk pembelian di Shopee Mall dan penjual pilihan (preferred sellers).
- 8) E-baucar ini tidak sah digunakan bersama mana-mana promosi lain, kecuali baucar kedai (shop vouchers).
- 9) E-baucar ini tidak sah untuk digunakan bagi kategori dan produk berikut:
 - Susu formula bayi (0 – 6 bulan)
 - Makanan dan makanan tambahan (supplement)
 - Lampin dan potties
 - Barang kemas
 - Tiket dan baucar
 - Tambah nilai prabayar mudah alih dan kad SIM
 - Tambah nilai permainan (gaming top-ups)
 - S-Mart Milo
 - Produk daripada Kedai One atau Not by Shopee
 - Store, produk Kedai Yayasan MMA
 - Kad PETRONAS dan Setel
 - Kad hadiah dan e-baucar
- 10) E-baucar tidak boleh dikembalikan, dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai. Ia juga tidak boleh digabungkan atau ditukar kepada baucar bernilai lebih tinggi.

G) TERMA DAN SYARAT AM

- 1) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my.
- 2) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
- 3) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pemegang kad dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
- 4) Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan.

Pemegang kad adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.

- 5) Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
- 6) Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
- 7) **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA Bank Rakyat) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
- 8) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
- 9) Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 10) Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.